



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

---

## SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **“MAJLIS PELANCARAN PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU”**

**KUALA LUMPUR, 18 Julai 2012** – YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hari ini melancarkan satu lagi inisiatif murni kerajaan untuk membangunkan prasarana dan hartanah orang Melayu di ibu negara yang menjadi lambang kemajuan dan kemegahan masyarakat Melayu di ibu kota iaitu pelancaran Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (KB Corp). Kira-kira 500 orang tetamu turut hadir menyaksikan detik bersejarah tersebut.

Dalam majlis tersebut, beliau telah mengumumkan nama Pengerusi Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (KB Corp) dan menyampaikan watakah pelantikan kepada anggota Perbadanan (ahli Lembaga) dan anggota Majlis Penasihat Perbadanan yang terdiri daripada tokoh-tokoh berpengetahuan serta berpengalaman yang diyakini dapat memainkan peranan yang penting bersama Kerajaan dalam usaha mendukung hasrat murni kerajaan. Beliau turut menyampaikan sumbangan Ihya' Ramadhan berjumlah **RM72,000.00** kepada Masjid Jamek Kampung Bharu, Persatuan Anak-anak Kampung Baru (PAKAM) dan enam (6) buah surau di Kampung Bharu iaitu Surau Rajaiyah, Surau Alhidayah, Surau Khairatul Islamiah, Surau Rahimiyah Jalan Watson, Surau Rahmaniah dan Surau Ikhwaniah.

Bagi menunjukkan komitmen kerajaan yang amat tinggi dalam merealisasikan kejayaan perancangan pembangunan Kg. Bharu, pejabat Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (KB Corp) akan mula beroperasi di **Bangunan ROHAS, Kg. Bharu** mulai **18 Julai 2012**.

KWPKB bersama DBKL juga telah menyediakan Garis Panduan Pembangunan Kampong Bharu dan tindakan seterusnya adalah menuju ke arah merangka strategi jangka panjang Pelan Induk Pembangunan Kampong Bharu. Berdasarkan cadangan dan perbincangan bersama *'wise men'* Kg Bharu, NGO, pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu, cadangan bagi Pelan Pembangunan yang akan dilaksanakan adalah mengikut kemahuan pemilik dan pewaris tanah asalkan tidak bercanggah dengan dasar pihak DBKL sebagai agensi perancang.

Kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) melalui pendekatan bersepadu yang melibatkan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, disokong oleh agensinya seperti DBKL dan PTGWP dan rakan strategik terutama GLC's dan para pemilik serta pewaris hartanah di Kampong Bharu akan berpadu tenaga, fikiran dan dana bagi memajukan semula Kampong Bharu. Antara tugas dan perancangan awal Perbadanan adalah menyediakan Pelan Induk, pelan strategik, dana pembangunan yang mencukupi, program pembangunan insan dan pelbagai inisiatif baru bagi memastikan para pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu menerima faedah maksimum seterusnya menjana potensi hartanah mereka.

Pada peringkat awal ini, Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan yang besar berjumlah **RM250 juta** di bawah RMKe-10 bagi memajukan prasarana dan kemudahan di Kampong Bharu. Antara beberapa projek 'touch point' bernilai RM 8.8. juta yang telah dilaksanakan seperti Kerja naik taraf Jalan Raja Abdullah, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, pewujudan Terminal Sejahtera, pengubahsuaian surau, kerja naik taraf Dewan Serbaguna Jalan Hamzah dan naik taraf longkang

dan parit. Kerja awal menaik taraf Mesjid Jamek Kampong Bharu dan proses Pembangunan Semula Pasar Raja Bot juga telah dimulakan.

KWPKB dan Perbadanan Pembangunan Kampung Baharu (KB Corp.) akan terus mempertingkatkan usaha ke arah pembangunan di Kampong Bharu yang lebih mampan. Antaranya melaksanakan program pembangunan di Kampung Bharu yang mampu berdaya saing serta dapat meningkatkan nilai hartanah yang berlipat kali ganda; jaminan taraf kehidupan yang lebih baik kepada pemilik serta pewaris tanah Kampong Bharu dengan mengekalkan ciri-ciri tradisi dan identiti Kampong Bharu.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

18 Julai 2012  
KUALA LUMPUR